

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, May 29, 2019 4:48 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Naib Canselor Menghadap DYTm Tuanku Raja Muda Kedah Darul Aman



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 MEI 2019 / 24 RAMADAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NAIB CANSELOR MENGHADAP DYTm TUANKU RAJA MUDA KEDAH DARUL AMAN



UUM ONLINE: Alor Setar - Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani telah menghadap Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah Darul Aman di Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), semalam.

Majlis menghadap itu bertujuan menyebarkan maklum tentang Kejohanan Golf Antara Universiti Awam ke-47 yang dijadualkan berlangsung pada 7 dan 8 September depan, seterusnya menyebarkan persilaan dan perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku untuk bercemar duli berangkat ke kejohanan tersebut.

Beliau juga memohon perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku tentang projek penghasilan baju Kedah bermotifkan batik Sintok bagi mengembalikan tradisi kebudayaan Negeri Kedah yang mana baju kurung Kedah itu akan menggunakan rekaan corak asas songket Sintok bermotifkan tumbuh-tumbuhan yang berada di persekitaran kampus Sintok.

Naib Canselor juga menyembah maklum Duli Yang Teramat Mulia Tuanku bahawa UUM berhasrat untuk melantik paduka bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Maliha binti Almarhum Tengku Ariff sebagai penaung pertama kepada projek ini dan melantik Duli Yang Teramat Mulia Che Puan Muda Zaheeda binti Mohamad Ariff sebagai penaung yang kedua.

Selain itu, Naib Canselor menyembah maklum tentang hasrat UUM untuk mengadakan kolaborasi pendidikan dan menembusi pasaran Qatar selaras dengan agenda pengantarabangsaan UUM.

Dalam sesi menghadap itu juga, Naib Canselor turut menyembah maklum tentang kedudukan UUM dalam senarai badan penarafan antarabangsa iaitu Times Higher Education (THE) World University Rankings dan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.